



INTERNATIONAL YOUNG SCHOLARS JOURNAL OF LANGUAGES

Percampuran Kod Dialek Ekspresif dalam Filem Polis Evo

Mohamad Yusrizal Mohamad Noor¹, Mohamad Suhaizi Suhaimi^{1*}

¹*Kulliyah Bahasa & Pengurusan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia*

**E-mel pengarang koresponden: msuhaizi@iium.edu.my*

ABSTRAK

Salah satu jenis percampuran kod yang jelas dapat dilihat dalam pertuturan masyarakat di Malaysia ialah percampuran kod dialek. Campur kod dialek ini juga dikesan telah digunakan oleh watak-watak dalam filem tempatan. Tanggungjawab untuk menjaga dan memperkasakan bahasa Melayu bukan sahaja dipegang oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) malah menjadi tanggungjawab semua industri yang menjadikan bahasa Melayu sebagai pertuturan utama mereka dan ini tidak terlepas pada penggiat bidang perfileman dan drama televisyen. Hal ini dilihat masih banyak filem-filem yang dihasilkan di Malaysia masih mengamalkan percampuran kod dalaman atau dialek dalam dialog mereka. Justeru, kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti percampuran kod dialek ekspresif yang digunakan dalam filem Polis Evo dan menganalisis percampuran kod dialek ekspresif dalam filem Polis Evo mengikut proses percampuran kod kata kolokasi. Kajian ini dijalankan secara kualitatif menggunakan kaedah analisis teks berdasarkan kerangka proses percampuran kod oleh Braj B. Kachru (1978) untuk melihat percampuran kod dalaman dalam filem Polis Evo kerana filem ini bergenre aksi komedi. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat lima fungsi ekspresif percampuran kod dialek dalam filem Polis Evo. Ekspresif-ekspresif tersebut ialah ekspresif bimbang, ekspresif kehendak, ekspresif maaf, ekspresif enggan dan ekspresif hairan. Proses percampuran kod dialek ekspresif menunjukkan penyisipan dari segi kata kolokasi. Penyisipan ini menunjukkan percampuran perkataan dari dialek Pantai Timur ke dalam bahasa Melayu. Oleh itu, kajian mendapati bahawa percampuran kod dialek banyak berlaku dalam filem-filem tempatan tanpa kita sedari. Percampuran kod dialek ini sedikit sebanyak telah membawa kepada keclaruan makna dalam kalangan masyarakat yang berbilang dialek.

Kata kunci: filem, percampuran kod, ekspresif, dialek, kolokasi

PENGENALAN

Sosiolinguistik merupakan sebuah bidang yang membincangkan perihal penggunaan sesebuah bahasa yang merangkumi deskripsi pemakaian bahasa atau dialek pemakaian Sesebuah bahasa penutur boleh dilihat dari segi topik dan latar pembicaraan bahasa atau dialek. Oleh itu, dapat kita fahami bahawa bidang sosiolinguistik ini merangkumi pelbagai aspek hubungan antara bahasa dan masyarakat. Perbezaan antara struktur bahasa dengan struktur sosial menjadi tugas ahli sosiolinguistik untuk memperlihatkannya kepada masyarakat (Bright, 1966). Justeru, perbezaan tersebut misalnya dapat dilihat melalui fenomena percampuran kod yang berlaku dalam masyarakat. Masyarakat yang terdedah kepada bahasa asing turut terkesan dalam pertuturan seharian yang menyebabkan berlakunya percampuran kod.

Percampuran kod boleh terjadi melalui perkataan, frasa dan ayat yang terdiri daripada dua sistem nahu yang berbeza melangkaui sempadan ayat dalam sesuatu pertuturan (Bokamba, 1989). Selain itu, Nomura (2003) menyatakan semasa pertuturan, percampuran kod yang berlaku adalah disebabkan penutur ingin mengenal pasti frasa dan perkataan yang selaras digunakan. Pengkaji melihat dalam konteks masyarakat Malaysia percampuran kod ini boleh berlaku dalam situasi tidak formal yang merupakan bahasa rojak. Bahasa rojak ini ditafsirkan sebagai satu komunikasi dan penyampaian maklumat yang sering berlaku dalam pertuturan tidak formal. Menurut Hamers dan Blanc (2000) menyatakan bahawa percampuran kod terbahagi kepada tiga bahagian, iaitu percampuran kod dalaman 'inner code mixing', percampuran kod luaran 'outer code mixing' dan percampuran kod tambahan 'extrasentential code mixing'.

Justeru, percampuran kod dalaman atau dalam bahasa Inggeris sebagai 'Intrasentential' merupakan percampuran kod dialek dalam satu sesuatu pertuturan. Percampuran ini dapat dilihat berlaku dalam masyarakat Malaysia terutama bangsa Melayu yang mempunyai dialek yang berlainan mengikut negeri. Asmah Hj Omar (1991) telah membahagikan dialek di Semenanjung Malaysia kepada lima kawasan utama. Kelompok pertama Barat Daya mewakili dialek negeri Kedah, Perlis, Pulau Pinang dan Perak Utara. Seterusnya, bahagian yang kedua merupakan kelompok Timur Laut yang diwakili oleh dialek Kelantan. Kelompok yang ketiga meliputi daerah Timur yang diwakili dialek Terengganu. Kelompok yang keempat mewakili di Johor, Melaka, Pahang, Selangor dan Perak Selatan. Terakhir meliputi dialek Negeri Sembilan. Sebagai contoh, perkataan yang dituturkan dalam dialek Kelantan 'sauk' bermaksud 'pakai' tetapi dalam bahasa Melayu baku bermaksud 'jaring'. Hal ini menunjukkan makna perkataan dalam sesuatu dialek berbeza dengan makna bahasa baku. Oleh yang demikian, percampuran kod dialek turut digunapakai menerusi pelbagai bahan misalnya dialog dalam pembikinan filem.

Kajian mengenai percampuran kod dalam filem yang berbentuk ekspresif perlu dijalankan berikutan penggunaan yang ketara dalam filem yang mengandungi penggunaan dialek. Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat menafsirkan ekspresif sebagai seseorang yang mampu atau dapat melahirkan maksud, perasaan dan tujuan dengan jelas dari segi cetakan atau catatan. Pengkaji memilih ekspresif dalam melakukan kajian percampuran kod dalaman ini berikutan kecenderungan untuk menggunakan dialek dalam pertuturan boleh berlaku jika emosinya diganggu. Bahasa yang ekspresif adalah untuk melihat keupayaan seseorang meletakkan pemikiran atau emosi dalam kata-kata atau ayat. Oleh yang demikian, pertuturan seseorang boleh bertukar disebabkan emosinya terganggu dan ini dapat digambarkan melalui percampuran kod.

Justeru, kajian ini akan melihat jenis percampuran kod yang digunakan dalam filem atau lebih tepat percampuran dari segi ekspresif, iaitu berkaitan dengan pertuturan yang melibatkan psikologi atau perasaan dan emosi penutur. Seterusnya, pengkaji akan melihat bagaimana proses percampuran kod ini berlaku dalam filem tersebut. Hal ini jelas menunjukkan bahawa fenomena percampuran kod berlaku dengan berleluasa dalam masyarakat kini dan hal tersebut boleh membawa kepada kerancuan sesuatu bahasa. Sehubungan dengan itu, kajian ini dilakukan berpandukan dua objektif utama, iaitu mengenal pasti percampuran kod dialek ekspresif yang digunakan dalam filem Polis Evo dan menganalisis percampuran kod dialek ekspresif dalam filem Polis Evo mengikut proses percampuran kod kata kolokasi.

PERNYATAAN MASALAH

Kebanyakan dialog dalam filem menggunakan percampuran kod dialek dalam babak yang menunjukkan emosi. Emosi boleh terdiri daripada lakuan yang bersifat positif mahupun negatif. Menurut Iskandar et. Al (2009), komitmen kerja atau pertuturan seseorang akan bertambah baik apabila seseorang memiliki kecerdasan minda dan emosi. Perkara ini membolehkan seseorang untuk mengawal diri dan memantapkan minda dalam mengembangkan bakat kecerdasan emosi. Hal ini demikian kerana, emosi yang baik merupakan satu elemen penting ke arah pembentukan pertuturan yang baik dan berkesan. Namun, percampuran kod dialek ekspresif menyebabkan penonton sukar memahami akan ujaran yang ingin disampaikan berikutan penggunaan dialek dalam pertuturan mengandungi istilah yang tidak difahami oleh semua lapisan masyarakat. Hal ini dikukuhkan lagi melalui kajian yang dijalankan oleh Monaliza Sarbini-Zin, Najwa Abdull Manan dan Haikal Hammaad Zin (2019) yang memperlihatkan wujudnya kecelaruan makna terhadap perkataan yang dituturkan oleh seseorang yang mempunyai dialek yang berlainan. Pengkaji melihat percampuran kod yang berlaku dalam filem tersebut berkaitan dengan

ekspresif atau emosi penutur yang membentuk kepada percampuran kod. Oleh itu, pengkaji melihat hal tersebut sebagai suatu yang perlu diteliti supaya dapat dibendung daripada berleluasa dan mampu memupuk penggunaan bahasa yang betul dalam industri perfileman.

Filem Polis Evo merupakan salah satu filem yang menggunakan dialek Pantai Timur dalam babak yang mengandungi percampuran kod dialek ekspresif. Justeru, kajian yang memperihal percampuran kod dialek terutamanya dialek Pantai Timur pernah dilakukan oleh Nor Adlyizan Theis dan Azreen Sofea Adnan (2018), Noor Rohana Mansor, Noraien Mansor dan Normaliza Abd Rahim (2013) serta Suthanthira devi A/P J.N.J.Money (2001) dalam kalangan pelajar sekolah dan unit kosa kata. Hal ini menunjukkan bahawa kajian berkaitan percampuran kod dialek Pantai Timur banyak dilakukan dalam kalangan pelajar sekolah dan unit kosa kata. Namun begitu, kajian mengenai percampuran kod dialek ekspresif kurang dilakukan dalam filem. Tambahan pula, dialog yang dituturkan oleh pelakon yang mengandungi dialek sering berkait rapat dengan aspek emosi yang akan mempengaruhi pertuturan seseorang tanpa disedari. Percampuran kod dialek ini lazimnya tidak disedari ketika dituturkan berikutan kedua-dua bahasa yang digunakan merupakan bahasa natif penutur. Justeru, pengkaji melihat perkara ini harus diketengahkan dengan mengkaji percampuran kod dialek Pantai Timur ekspresif dalam filem dari segi kata kolokasi pula.

Justeru, kajian ini akan membincangkan jenis percampuran kod dalaman yang digunakan dalam filem Polis Evo dan mengklasifikasikannya mengikut fungsi percampuran kod yang telah diketengahkan oleh K. Kanthimathi (2007). Pembuatan filem tersebut banyak dipengaruhi oleh unsur percampuran kod, dialek dan slanga maka budaya percampuran kod ini telah menjadi sebahagian daripada realiti industri perfileman dan seterusnya menggambarkan satu fenomena yang membimbangkan dalam usaha memartabatkan bahasa kebangsaan.

TINJAUAN LITERATUR

Percampuran kod

Nur Iliyani Natasha Abdul Halim dan Nora'Azian Nahar (2020)

Kajian yang dilakukan bertajuk Percampuran Kod dalam Filem Paskal The Movie yang bertujuan untuk melihat bentuk dan fungsi percampuran kod yang berlaku berpandukan pendekatan yang dikemukakan oleh K. Kanthimathi (2007) dan Rodolfo Jacobson (2005). Kajian ini ingin melihat penggunaan percampuran kod dalam filem yang boleh mengakibatkan mutu filem tempatan berkurang dari segi penggunaan bahasanya. Seterusnya, kaedah kajian yang digunakan merupakan kaedah kualitatif yang melibatkan kaedah kepustakaan, pemerhatian, transkripsi

dan analisis teks terhadap filem tersebut. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa pengkaji membahagikan kepada dua, iaitu teori Rodolfo Jacobson (2005) untuk memenuhi objektif pertama dan teori percampuran kod yang dihasilkan oleh K. Kanthimathi (2007) bagi memenuhi objektif kedua. Hasil dapatan objektif pertama menunjukkan pengkaji mengenal pasti percampuran kod berdasarkan beberapa bentuk, iaitu bentuk kata pinjaman, bentuk frasa dan bentuk ayat penuh. Hasil dapatan objektif kedua pula berkaitan fungsi percampuran kod yang melibatkan tiga daripada sembilan pendekatan oleh K. Kanthimathi (2007), iaitu fungsi sikap, fungsi laras bahasa dan fungsi ekspresif. Justeru, kajian ini menunjukkan bahawa terdapat penggunaan dan fungsi percampuran kod dalam filem Paskal *The Movie*.

Mohd Syuhaidi Abu Bakar dan Nor Audra Dayana Dahlan (2018)

Kajian yang bertajuk Percampuran Kod Bahasa di dalam Filem: Satu Kajian Kualitatif Terhadap Filem *J Revolusi* dilakukan bertujuan mengkaji percampuran kod yang berlaku dalam filem yang melibatkan percampuran kod luaran dan dalaman. Permasalahan yang wujud dalam kajian tersebut ialah percampuran kod bahasa dalam filem boleh menimbulkan kecelaruan dalam penggunaan bahasa. Seterusnya, permasalahan yang kedua ialah penggunaan dialek menjadi satu percampuran kod yang harus dibezakan dengan bahasa rojak. Kaedah kualitatif digunakan untuk menganalisis teks dan buku kodan. Seterusnya, bahan kajian yang dipilih merupakan filem tempatan berjudul *J Revolusi* yang ditayangkan pada tahun 2017 dan diarahkan oleh Zulkarnain Azhar. Hasil dapatan kajian tersebut mendapati sebanyak 161 percampuran kod luaran dan sebanyak 35 percampuran kod dalaman yang wujud. Pengkaji mendapati bahawa percampuran kod bahasa ini berlaku disebabkan pengaruh faktor sosial yang tinggi. Faktor sosial yang diuraikan adalah berdasarkan aspek pendidikan, latar belakang dan kehidupan seharian. Justeru, penggunaan percampuran kod bahasa dalam filem harus dielakkan supaya industri perfileman tidak membantutkan usaha kerajaan dalam memartabatkan bahasa kebangsaan.

Ekspresif

Liana Cantika (2017)

Kajian yang dilakukan bertajuk ‘Proses Kreatif Abdullah Mustappa Dalam Novel Lembur Singkur: Kajian Ekspresif Karya’ merupakan penelitian terhadap unsur-unsur ekspresif pengarang novel Lembur Singkur dan proses kreatif pengarang Abdullah Mustappa dalam novel Lembur Singkur. Kaedah kajian yang dijalankan ialah kaedah deskriptif dengan mengaplikasikan pendekatan ekspresif M.H Abrams (1993). Selain itu, kaedah yang diaplikasikan ialah kaedah kepustakaan,

wawancara dan dokumentasi. Kajian ini menggunakan instrumen seperti panduan temu ramah, peranti rakaman, kamera, dan kad data. Hasil dapatan menunjukkan unsur-unsur ekspresif pengarang seperti faktor mental pengarang. Faktor-faktor terdiri daripada perenungan, spontaniti, intuisi, pengalaman, kepintaran, integrasi, keperibadian, emosi, seni konsep, kekuatan dalaman, imaginasi dan rasa. Proses kreatifnya pula merujuk kepada pendekatan, penemuan, penanaman, ekspresif untuk komunikasi. Kesimpulannya, faktor mental pengarang menjadikan novel yang diterbitkan kreatif berdasarkan isi cerita yang diciptakan.

Dialek pantai timur

Nur Faten Shahirah Mohd Razali, Radina Mohamad Deli dan Muhammad Zaid Daud (2019)

Kajian yang bertajuk Asas Fonem Konsonan Dialek Melayu Kelantan (Subdialek Pasir Mas, Kelantan) adalah kajian untuk mengkaji bidang fonologi. Kajian ini dilakukan untuk mengenal pasti jenis fonem vokal yang terdapat dalam dialek Kelantan untuk subdialek Pasir Mas. Kajian ini memilih subdialek Pasir Mas kerana merupakan salah satu dialek terkenal yang dituturkan di Kelantan. Data diperoleh dengan menggunakan metode kualitatif berdasarkan kaedah temu bual dengan menggunakan senarai perkataan yang disediakan mengikut domain tertentu melalui senarai swadesh yang disesuaikan. Temu bual ini jalankan dengan dibantu oleh dua orang penutur asli dialek Kelantan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa subdialek Pasir Mas mempunyai tujuh bentuk fonem dan fonem vokal, yang didapati wujud, iaitu, [a, e, i, o, u, ə, ɔ].

Noor Rohana Mansor, Noraien Mansor dan Normaliza Abd Rahim (2013)

Selain itu, kajian yang bertajuk ‘Dialek Melayu Terengganu: Pendokumentasian dan Pengekalan Warisan Variasi Bahasa Tempatan’ adalah kajian ke arah mendokumentasikan dan memelihara serta melestarikan warisan khazanah pelbagai variasi bahasa untuk mengelakkan kepupusan bahasa tempatan. Kajian ini memfokuskan kepada dua objektif, iaitu menganalisis dan menjelaskan ciri-ciri keunikan dialek Terengganu dan strategi memelihara warisan variasi bahasa tempatan dalam konteks penggunaan Bahasa lokaliti kawasan pesisir. Seterusnya, kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah deskriptif kualitatif dengan menggunakan kaedah temu bual dan ditranskripsi data tersebut untuk memastikan ketepatan makna. Pengkaji memilih sebanyak 120 orang responden yang terdiri daripada masyarakat dari pesisir kawasan Kuala Terengganu. Hasil kajian mendapati bahawa terdapat ciri unik dalam dialek Terengganu dari aspek fonologi dan kosa kata dalam pertuturan mereka. Antara kelainan yang dilihat pada sebutannya ialah diftong bunyi vokal, suku kata konsonan, dan kosa kata yang

melibatkan pemendekan, pengguguran, penggantian, pengayaan kosa kata tempatan penegasan dan sebutan, pertuturan.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif, iaitu analisis kandungan teks dengan membuat penelitian secara terperinci terhadap dialog yang telah ditranskripsi daripada filem Polis Evo. Filem Polis Evo yang berdurasi selama 1 jam 24 minit ditonton terlebih dahulu bagi mendapat gambaran awal bagi keseluruhan filem tersebut. Setelah penelitian dilakukan terhadap dialog filem tersebut pengkaji memilih 60 minit pertama berikutan penggunaan dialek Pantai Timur yang menjadi fokus data kajian ini. Kaedah ini diteruskan dengan mentranskripsikan dialog watak yang menuturkan dialek Pantai Timur ke dalam bentuk teks bagi memudahkan proses menganalisis ujaran-ujaran tersebut. Kaedah analisis teks dijalankan melalui tiga proses, iaitu (i) penelitian kata kolokasi, (ii) penganalisan fungsi dialog dan (iii) penganalisan proses percampuran. Kemudian, data-data yang diperoleh yang mengandungi percampuran kod dialek ekspresif dikemukakan dalam jadual beserta kod-kod yang mewakili kata kolokasi tersebut. Kod-kod tersebut merangkumi situasi ujaran, minit dalam filem, watak yang terlibat dan kata kolokasi. Seterusnya, penggunaan kod-kod ini adalah bagi memudahkan pengkaji menganalisis dan menghuraikan data yang ditemui. Penerangan kod-kod tersebut seperti jadual di bawah:

Jadual 1: Penerangan kod yang digunakan dalam kajian

S1/03:08/IK IS	
KOD	PENERANGAN
S1	Situasi ujaran
03:08	Minit dalam filem
IK IS	Mewakili watak. Contohnya: <ul style="list-style-type: none"> • IK: Inspektor Khairul • IS: Insperktor Sani

Seterusnya, pengkaji mengklasifikasikan data kajian mengikut kategori ekspresif yang berdasarkan kerangka fungsi percampuran kod oleh K. Kanthimathi (2007). Ujaran watak yang dominan diketengahkan untuk dianalisis bagi memenuhi objektif-objektif kajian.

DAPATAN KAJIAN

Bab ini terbahagi kepada dua bahagian, iaitu mengenal pasti percampuran ekspresif kod dialek dan menganalisis percampuran kod dialek ekspresif dalam filem Polis Evo mengikut proses percampuran kod kata.

FUNGSI PERCAMPURAN KOD DIALEK EKSPRESIF

Dapatan analisis menunjukkan bahawa ciri ekspresif yang dikenal pasti terdapat dalam filem Polis Evo ialah ekspresif bimbang, ekspresif kehendak, ekspresif maaf, ekspresif enggan dan ekspresif hairan. Jumlah keseluruhan fungsi percampuran kod dialek ekspresif yang ditemui oleh pengkaji adalah sebanyak 24 dialog. Justeru, perincian mengenai fungsi ekspresif yang dominan akan diuraikan dalam subtopik di bawah.

Ekspresif Bimbang

Ekspresif bimbang ialah perasaan gelisah atau risau dalam memikirkan sesuatu perkara yang boleh membawa keburukan atau tidak ingin berlaku. Setelah diteliti, analisis mendapati bahawa dialog yang dituturkan oleh watak menunjukkan ekspresif perasaan bimbang sebanyak enam kali bersamaan 25%. Jadual berikut menunjukkan contoh ekspresif bimbang dalam filem Polis Evo.

Jadual 2: Contoh ekspresif bimbang

Bil	Kod	Dialog
1	S1/02:28/CA	...Maknanyo tigo kali gando. Pah tubuh manusia mano boleh tehe...
2	S2/02:59/CA	... Rama doh hok mapuh kerano menate ni. Hok kaki, hok tak khaba, hok gilo...
3	S4/20:38/IS	...Main redoh je masuk bilik orang. Mu tahu dok, orang baru ninggal . Ahli keluarga, kawan-kawan semue ade lagi di luor...

Berdasarkan jadual di atas, kajian ini mendapati bahawa contoh (1) dan (2) menunjukkan ekspresif kerisauan dan kebimbangan. Ekspresif bimbang yang ditonjolkan oleh watak berkaitan padah yang akan diterima apabila mengambil 'bende' yang merujuk kepada dadah. Contoh dialog dalam contoh 1, iaitu 'Pah tubuh manusia mano boleh tehe...' menggambarkan kebimbangan watak, iaitu Cikgu Adli yang merupakan orang yang pernah menghasilkan dadah. Watak ini mengujarkan dialog tersebut untuk menjelaskan bahawa tubuh manusia tidak dapat menampung kesan dadah yang tinggi sehingga meninggalkan padah yang buruk. Hal ini demikian kerana, dadah yang diminta oleh ketua penjahat kepada Cikgu Adli ialah dadah yang ditingkatkan kadar bahan tulen daripada 85% kepada

90% atau 95%. Oleh itu, watak Cikgu Adli mengujarkan dialog tersebut bagi menyatakan kebimbangannya mengenai kadar bahan tulen dalam dadah yang tinggi akan mengakibatkan padah kepada tubuh badan manusia. Hal ini dapat dibuktikan dengan kenyataan Dr. Alvin dalam Portal Rasmi MyHEALTH Kementerian Kesihatan Malaysia bahawa kepekatan dadah yang tinggi akan memberikan kesan yang kuat dan buruk kepada badan manusia. Seterusnya, contoh kedua daripada dialog di atas juga menunjukkan ekspresif bimbang oleh watak Cikgu Adli. Rasa bimbang yang dapat dilihat adalah melalui ujaran ‘...Rama doh hok mapuh...’. Berdasarkan dialog ini, Cikgu Adli bimbang dengan kesan dadah yang boleh membawa kepada kematian dan telah membunuh banyak manusia.

Selain itu, contoh (3) daripada dialog di atas ‘...orang baru ninggal...’ memperlihatkan ekspresif bimbang oleh Inspektor Sani terhadap tingkah laku rakan sekerja, iaitu Inspektor Khairul. Rakan sekerjanya yang menggeledah rumah suspek yang baru sahaja meninggal dunia sedangkan masih ada orang kampung di kawasan rumah. Kebimbangan tersebut wujud kerana masyarakat kampung selalunya mempunyai adab sopan santun dalam menghormati orang yang baru meninggal dunia. Hal ini menunjukkan bahawa Inspektor Sani bimbang akan pandangan orang kampung terhadap tindakan rakannya yang tidak menghormati barangan milik suspek yang telah meninggal dunia kerana menggeledah tanpa kebenaran. Perkara ini boleh membawa kepada kesan yang buruk terhadap nama institusi polis. Ketiga-tiga contoh yang dikemukakan di atas jelas menunjukkan ekspresif bimbang boleh menyebabkan seseorang penutur mencampuradukkan dialek ke dalam bahasa pertuturan.

Ekspresif Kehendak

Ekspresif kehendak merujuk kepada keinginan seseorang dalam mendapatkan sesuatu atau melakukan sesuatu dengan sekerasnya. Pengkaji mendapati bahawa watak yang mengungkapkan atau mengekspresifkan kehendaknya sebanyak lapan kali dan bersamaan 33.33% dalam filem yang dikaji.

Jadual 3: Contoh ekspresif kehendak

Bil	Kod	Dialog
1	S7/03:10/KP	Kito biso kuatkan lagi...
2	S11/25:03/IS	...Buke mata molek. Hok nampak sape-sape ada bende se, tolong ghoyak ke abang...
3	S12/27:05/KP	Aku bukan jenis mintak. Aku nok bare aku. Bare aku jumpo kat luar tu...

Berdasarkan tiga contoh di atas, pengkaji mendapati contoh (1) dan contoh (3) menunjukkan kehendak watak terhadap ‘barang’ yang merujuk kepada dadah.

Contoh ayat dalam dialog satu, iaitu ‘Kito biso kuatkan lagi...’ merupakan kehendak ketua penjahat untuk menguatkan lagi kadar kepekatan dalam dadah. Oleh itu, watak meminta orang yang menghasil dadah untuk menguatkan lagi kepekatan dadah itu. Seterusnya, contoh yang ketiga juga menunjukkan kehendak ketua penjahat terhadap dadah. Pada contoh dialog, iaitu ‘Aku nok bare aku.’ menunjukkan bahawa watak ingin mendapatkan ‘bare’ yang merujuk kepada ‘barang,’ iaitu dadah. Hal ini demikian kerana dadah yang diingini adalah dadah yang mempunyai kepekatan yang kuat dan dijumpai bersama suspek yang baru meninggal dunia. Justeru, kedua-dua contoh dialog tersebut jelas menunjukkan ekspresif penutur cenderung menggunakan dialek dalam mengekspresifkan emosi kerana lebih jelas untuk menyampaikan sesuatu perkara.

Contoh dialog yang (2) pula menunjukkan kehendak untuk mendapatkan maklumat. Ayat dialog ‘tolong ghoyak ke abang...’ merujuk kepada kehendak watak, iaitu Inspektor Sani untuk mendapatkan maklumat. Maklumat yang dikehendaki oleh Inspektor Sani tersebut merupakan seseorang atau sesiapa yang memiliki dadah tersebut. Oleh itu, ekspresif kehendak ini menunjukkan keperluan maklumat dalam mencari seseorang. Bahkan, ekspresif kehendak boleh menimbulkan perasaan marah seperti dalam contoh ketiga. Perasaan marah tersebut menyebabkan penutur akan mencampuradukkan dialek ke dalam pertuturan kerana penutur tidak sedar akan percakapannya ketika itu.

Ekspresif Enggan

Ekspresif enggan menggambarkan tindakan seseorang dalam menolak atau tidak melakukan arahan di telah diberi. Dalam filem yang dikaji, pengkaji mendapati sebanyak empat dialog yang mengandungi ekspresif enggan bersamaan 16.67%.

Jadual 4: Contoh ekspresif enggan

Bil	Kod	Dialog
1	S17/24:03/M	...Kita berhenti doh, buat kijo gitu. Kijo harey kea?...
2	S19/56:04/KP	Hoi, nak gi mano? Balas dendam? Belom sapa maso lagi nok balas dendam...

Berdasarkan contoh (1), pengkaji mendapati ekspresif enggan dalam dialong filem Polis Evo menunjukkan keengganan seseorang melakukan sesuatu perkara yang salah dan haram. Ayat dialog tersebut ‘...Kita berhenti doh, buat kijo gitu.’ yang diujarkan oleh Mayang menunjukkan bahawa watak tersebut enggan melakukan pekerjaan lamanya yang jahat dan ingin mencari rezeki atau pekerjaan yang halal. Ekspresif enggan dilihat bukan seseorang menolak melakukan sesuatu

pekerjaan tetapi menegaskan bahawa watak tidak lagi melakukan pekerjaan lamanya.

Seterusnya, contoh yang (2) pula menunjukkan ekspresif enggan yang menjurus kepada perbuatan menolak untuk melakukan sesuatu arahan. Hal ini dapat dilihat pada ayat ‘Belom sapa maso lagi’ yang menggambarkan bahawa berlaku perbuatan menolak untuk melakukan sesuatu. Perbuatan menolak tersebut merujuk kepada ketua penjahat yang menolak untuk membalas dendam akan kematian orang bawahannya. Hal ini demikian kerana, mereka masih mempunyai pekerjaan lain untuk diselesaikan. Oleh itu, penolakan seseorang dalam melakukan sesuatu dapat dilihat dalam dialek Pantai Timur dengan penggunaan ayat yang menggunakan ejaan berlainan dengan bahasa standard.

Ekspresif Maaf

Ekspresif maaf ialah perasaan untuk melepaskan sesuatu daripada hukuman atau penyesalan ketika melakukan sesuatu kesilapan. Berdasarkan filem Polis Evo, pengkaji mendapati ekspresif maaf adalah paling sedikit, sebanyak satu sahaja ekspresif maaf dituturkan oleh watak, iaitu bersamaan 4.167%.

Jadual 5: Contoh ekspresif maaf

Bil	Kod	Dialog
1	S15/20:12/IS	Aa kak. Saya mitok maaf eh. Cikgu Adli ni ada anak?

Berdasarkan contoh (1), menunjukkan penggunaan perkataan ‘maaf’ yang lebih jelas menggambarkan ekspresif maaf. Ayat tersebut ialah ‘Saya mitok maaf eh.’ yang diungkap oleh Inspektor Sani sebelum bertanya kepada salah seorang orang kampung untuk mengetahui keadaan anak suspek yang tidak dilihat berada di kawasan rumah. Permohonan maaf ini menunjukkan bahawa orang Melayu penuh dengan kesantunan sebelum bertanya perkara yang boleh menguris hati. Hal ini menunjukkan bahawa permohonan maaf yang diungkapkan oleh watak sebelum bertanya soalan bertujuan untuk melembutkan hati lawan tutur bagi menjawab soalan yang ingin ditanya. Ekspresif maaf tersebut diungkapkan sebelum soalan diujarkan untuk mengelak sebarang kesilapan dilakukan.

Ekspresif Hairan

Ekspresif hairan merujuk kepada perasaan pelik atau ganjil ketika melihat atau mendengar sesuatu yang takjub, iaitu perkara yang berlainan dari kebiasaan. Setelah dianalisis, terdapat lima dialog yang menunjukkan ekspresif hairan bersamaan 20.83%.

Jadual 6: Contoh ekspresif hairan

Bil	Kod	Dialog
1	S20/17:03/IS	... Tapi saya duk fikir kenapa tuan perlu ambil orang luar sedangkan saya kat sini?...
2	S23/58:09/IS	Khai, doh guane mu tiba-tiba lemah-lembut ni? Mane mu punya <i>super</i> ni? <i>Super</i> Khai tu. Polis, polis mane?

Berdasarkan contoh dialog (1), pengkaji mendapati ekspresif hairan menunjukkan kehairanan seorang inspektor, iaitu Inspektor Sani yang tidak mahu menerima orang lain dalam membantunya menyelesaikan kes dadah. Pada ayat ‘...Tapi saya duk fikir.’ menunjukkan bahawa watak hairan dengan tindakan ketuanya yang mengambil orang dari pejabat polis lain, iaitu Bukit Aman untuk membantu kes tersebut sedangkan watak ada di balai polis tersebut. Ekspresif hairan dapat dilihat dalam contoh dialog 1 kerana watak menyatakan persoalan yang timbul dalam fikirannya apabila ketuanya bertindak merekrut orang luar berbanding orang dalaman. Oleh itu, penutur menggunakan dialek Pantai Timur ekspresif hairan bagi memudahkan ketuanya untuk memahami pertanyaan yang diajukan olehnya.

Seterusnya, contoh (2) pula menunjukkan ekspresif hairan pada ayat ‘Khai, dah guano mu tiba-tiba lemah-lembut ni.’. Ekspresif hairan ditunjukkan oleh watak Inspektor Sani yang hairan dengan rakannya, Inspektor Khairul seorang yang tegas dan keras boleh menjadi seorang yang lemah lembut dan sopan santun. Perubahan ini menampakkan perbezaan sikap rakannya sehingga menimbulkan tanda hairan oleh Inspektor Sani. Hal ini demikian kerana, Inspektor Khairul menunjukkan sikap sopan dan baik di hadapan adik perempuan Inspektor Sani yang cantik. Justeru, ekspresif hairan dalam dialek Pantai Timur jelas dapat dilihat menerusi dialog watak dalam filem yang dikaji.

PROSES PERCAMPURAN KOD DIALEK KATA KOLOKASI

Data dianalisis menggunakan kerangka proses percampuran kod yang sering digunakan dalam masyarakat oleh Braj B. Kachru (1978). Analisis kajian hanya berfokus kepada satu sahaja proses penyisipan, iaitu proses penyisipan kata kiasan dan kata kolokasi sesuatu bahasa ke dalam ungkapan atau ayat yang berbahasa lain. Walau bagaimanapun, pengkaji hanya meneliti kata kolokasi yang disisipkan

dalam ujaran yang menunjukkan percampuran kod. Proses penyisipan kata kolokasi dilihat berlaku apabila sesuatu kata atau frasa dalam dialek yang dimasukkan ke dalam ujaran yang dituturkan oleh penutur bahasa.

Penyisipan Kata Kolokasi Ekspresif Bimbang

Percampuran kod dialek Pantai Timur yang dituturkan oleh watak dalam filem yang dikaji dikesan berlaku penyisipan kata kolokasi semasa mengekspresikan rasa bimbang terhadap sesuatu perkara.

Jadual 7: Contoh kata kolokasi ekspresif bimbang

Bil	Kod	Dialog
1	S1/02:28/CA	...Maknanyo tigo kali gando. Pah tubuh manusia mano boleh tehe...
2	S2/02:59/CA	... Rama doh hok mapuh kerano menate ni. Hok kaki, hok tak khaba, hok gilo...
3	S4/20:38/IS	...Main redoh je masuk bilik orang. Mu tahu dok, orang baru ninggal . Ahli keluarga, kawang-kawang semue ade lagi di luar...

Berdasarkan jadual di atas, setiap contoh yang dikemukakan menunjukkan penyisipan kata kolokasi dialek dalam mengekspresifkan rasa bimbang watak. Contoh (1) memperlihatkan dialog yang dituturkan oleh watak Cikgu Adli dengan penggunaan kata kolokasi ‘... tubuh....tehe...’ yang menggambarkan ekspresif bimbang dalam dialek Pantai Timur. Hal ini demikian kerana, watak boleh sahaja menggunakan ‘...tubuh...kuat...’ bagi menggambarkan ketahanan badan manusia, tetapi kata kolokasi ‘tehe’ yang bermaksud ‘tahan’ digunakan dalam dialog tersebut kerana lebih sesuai untuk jelas menunjukkan ekspresif bimbang dalam dialek Pantai Timur.

Seterusnya, contoh (2) pula menunjukkan penggunaan kolokasi ‘...rama...mapuh...’ dalam dialog Cikgu Adli untuk mengekspresifkan rasa bimbang. Penggunaan kata kolokasi ‘mapuh’ yang membawa maksud ‘mati’ dalam dialog tersebut jelas menggambarkan kebimbangan watak terhadap nasib orang yang telah mati kerana mengambil dadah. Watak memilih untuk menyisipkan kata ‘mapuh’ dalam dialek Pantai Timur berbanding kata ‘meninggal’ dalam bahasa standard. Oleh itu, penggunaan kata kolokasi dialek Pantai Timur dalam contoh dialog Cikgu Adli jelas memaparkan ciri ekspresif.

Contoh yang (3) pula dituturkan oleh watak Inspektor Sani yang menggunakan kata kolokasi ‘...orang...ninggal...’ dalam dialog di atas bagi menyatakan perasaan bimbang. Hal ini demikian kerana, kolokasi perkataan

‘ninggal’ dalam dialek Pantai Timur bermaksud ‘meninggal’ menunjukkan orang tersebut baru sahaja meninggal dunia. Inspektor Sani menggunakan kata ‘ninggal’ dalam dialognya kerana lebih sesuai ditujukan kepada orang yang baru meninggal dunia. Namun, orang yang telah lama meninggal dunia sering disebut sebagai ‘mati’ dalam dialek Pantai Timur. Maka, kata kolokasi ‘...orang...ninggal...’ jelas memperlihatkan ekspresif bimbang oleh watak Inspektor Sani dalam dialognya..

Penyisipan Kata Kolokasi Ekspresif Kehendak

Kata kolokasi ekspresif kehendak telah dilihat dalam dialog watak yang menyisipkan perkataan daripada dialek Pantai Timur ke dalam bahasa standard untuk menyampaikan kehendak watak kepada sesuatu seperti kehendak untuk memiliki sesuatu barangan atau maklumat.

Jadual 8: Contoh kata kolokasi ekspresif kehendak

Bil	Kod	Dialog
1	S7/03:10/KP	Kito biso kuatkan lagi...
2	S11/25:03/IS	...Buke mata molek. Hok nampak sape-sape ada bende se, tolong ghoyak ke abang...
3	S12/27:05/KP	Aku bukan jenis mintak. Aku nok bare aku. Bare aku jumbo kat luar tu...

Contoh dialog (1) bagi jadual di atas menunjukkan penggunaan kata kolokasi dialek Pantai Timur bagi menyatakan ekspresif kehendak yang dituturkan oleh watak dalam filem yang dikaji. Penggunaan perkataan ‘biso’ contoh ‘...biso kuatkan...’ bermaksud ‘boleh’ bagi memaparkan ekspresif kehendak watak. Kata kolokasi ini dituturkan oleh watak Ketua Penjahat yang menginginkan kadar bahan tulen dalam dadah ditingkatkan. Selain itu, kolokasi ‘...biso kuatkan...’ dalam dialek Pantai Timur yang dituturkan oleh Ketua Penjahat juga membawa maksud boleh atau berpotensi untuk dikuatkan lagi.

Seterusnya, dialog dalam contoh (2) memperlihatkan permintaan watak Inspektor Sani yang meminta lawan tuturnya memberitahu maklumat tentang dadah. Penggunaan perkataan kolokasi ‘...ghoyak...’ yang membawa maksud ‘beritahu’ lebih memaparkan ciri ekspresif kehendak dengan nada amaran. Watak boleh sahaja menggunakan perkataan ‘...maklum ke abang...’ atau ‘...beritahu abang...’ dalam ujarannya. Namun, perkataan ‘...ghoyak...’ lebih dipilih agar ekspresif kehendaknya dapat disampaikan dengan jelas kepada lawan tutur.

Contoh (3) pula memperlihatkan penggunaan kata kolokasi ‘...nok...bare...’ dalam mengekspresifkan kehendak watak dalam dialek Pantai

Timur. Kolokasi perkataan ‘...nok...’ jelas menandakan keinginan watak Ketua Penjahat kepada anak buahnya untuk mendapatkan semula ‘barang’ miliknya yang telah diambil oleh orang lain. Oleh itu, dialog yang dituturkan oleh watak Ketua Penjahat ini difahami oleh anak buahnya kerana kata ‘nok’ berkolokasi dengan kata ‘bare’.

Penyisipan Kata Kolokasi Ekspresif Enggan

Kata kolokasi ekspresif enggan didapati telah disisipkan dalam dialek yang dituturkan oleh watak dalam filem Polis Evo.

Jadual 9: Contoh kata kolokasi ekspresif enggan

Bil	Kod	Dialog
1	S17/24:03/M	...Kita berhenti doh, buat kijo gitu. Kijo harey kea?...
2	S19/56:04/KP	Hoi, nak gi mano? Balas dendam? Belom sapa maso lagi nok balas dendam...

Jadual di atas menunjukkan dialog dalam filem Polis Evo yang menggunakan kata kolokasi bagi memaparkan ekspresif enggan watak. Contoh (1) menunjukkan kata kolokasi ‘doh’ dan ‘kijo’ dialek Pantai Timur disisipkan dalam satu ayat bagi menyatakan keenggan. Perkataan kolokasi ‘doh’ yang membawa maksud ‘sudah’ menunjukkan watak benar-benar berhenti dan enggan melakukan ‘kijo’ atau perbuatan buruk yang pernah dilakukannya. Watak boleh sahaja menggunakan mengujarkan ‘berhenti’ sahaja, tetapi penyisipan kata kolokasi dialek Pantai Timur dalam dialog tersebut menjelaskan lagi keenggan watak melakukan pekerjaannya.

Seterusnya, penggunaan kolokasi ‘belum sapa’ dalam contoh (2) menunjukkan ekspresif enggan dalam dialek Pantai Timur seperti yang terdapat dalam dialog filem Polis Evo. Hal ini demikian kerana, ‘belum maso’ telah menunjukkan belum tiba waktunya lagi untuk tindakan yang bakal dilakukan. Justeru, watak tersebut menambah kata ‘sapa’ yang membawa maksud ‘sampai’ dalam dialog tersebut bagi menguatkan ekspresif enggan sedangkan ‘belum maso’ sahaja kurang menunjukkan ciri ekspresif dalam dialek Pantai Timur.

Penyisipan Kata Kolokasi Ekspresif Maaf

Kata kolokasi ekspresif maaf dikesan penggunaannya dalam dua keadaan. Ekspresif maaf boleh dilihat sama ada dalam ujaran berbentuk penyesalan terhadap sesuatu perbuatan atau dalam ungkapan maaf sebelum bertanyakan soalan sebagai tanda hormat.

Jadual 10: Contoh kata kolokasi ekspresif maaf

Bil	Kod	Dialog
1	S15/20:12/IS	Aa kak. Saya mitok maaf eh. Cikgu Adli ni ada anak?

Berdasarkan jadual di atas, contoh (1) menunjukkan penggunaan kata kolokasi ‘...mintok maaf...’ yang menggambarkan ekspresif maaf watak dengan mengungkapkan permohonan maaf terlebih dahulu sebelum bertanyakan soalan kepada seseorang. Hal ini demikian kerana, perkataan ‘mintok’ berkolokasi dengan kata ‘maaf’ dan dapat difahami oleh penutur dialek Pantai Timur. Ungkapan ‘mintok maaf’ boleh diganti dengan ungkapan ‘...mohon maaf...’ bagi menggambarkan kesopanan dan menjaga hati lawan tutur. Tetapi, perkataan ‘mintok’ lebih difahami kerana disisipkan dalam ujaran yang berbentuk dialek, iaitu dialek Pantai Timur.

Penyisipan Kata Kolokasi Ekspresif Hairan

Setelah dianalisis, watak dalam filem Polis Evo telah menyisipkan kata kolokasi ekspresif hairan dalam mengekspresifkan perasaan pelik atau ganjil ketika melihat atau mendengar sesuatu yang takjub, iaitu perkara yang berlainan dari kebiasaan.

Jadual 11: Contoh kata kolokasi ekspresif hairan

Bil	Kod	Dialog
1	S20/17:03/IS	...Tapi saya duk fikir kenapa tuan perlu ambil orang luar sedangkan saya kat sini?...
2	S23/58:09/IS	Khai, doh guane mu tiba-tiba lemah-lembut ni? Mane mu punya <i>super</i> ni? <i>Super</i> Khai tu. Polis, polis mane?

Berdasarkan jadual di atas, contoh (1) menunjukkan penggunaan dialek Pantai Timur ‘...duk fikir...’ untuk menggambarkan kehairanan watak terhadap tindakan ketua beliau yang mengambil orang luar dalam membantu siasatan berkaitan kes

dadah. Kata kolokasi ‘duk’ yang membawa maksud ‘sedang’ atau ‘tengah’ berfikir dan jelas memaparkan rasa hairan. Sedangkan, ujaran ‘... saya fikir...’ sahaja sudah memadai untuk menjelaskan bahawa watak tengah berfikir. Walau bagaimanapun, penambahan kata kolokasi dialek ‘...duk...’ dalam dialog tersebut lebih jelas menunjukkan ekspresif hairan watak dengan tindakan ketuanya.

Selain itu, kata kolokasi contoh (2) pula dalam menunjukkan ekspresif hairan ialah ‘...guane...lemah-lembut...’. Penggunaan kata kolokasi ini jelas menunjukkan watak hairan dengan kawannya yang berubah dari sifat tegas kepada sifat lemah-lembut. Kolokasi perkataan dialek Pantai Timur ‘...guane...’ yang membawa maksud ‘macam mana’ dalam dialog tersebut menunjukkan ciri ekspresif hairan yang jelas.

KESIMPULAN

Pengkaji telah memaparkan data-data yang diperoleh daripada filem Polis Evo. Seterusnya, data-data tersebut dihuraikan berdasarkan fungsi percampuran kod ekspresif dan proses penyisipan percampuran kod dialek. Pengkaji mendapati bahawa percampuran kod dalaman berlaku disebabkan penutur beremosi ketika menuturkannya. Hal ini demikian kerana, emosi akan mempengaruhi tindakan seseorang. Selain itu, proses penyisipan kata kolokasi dilihat banyak digunakan dalam percampuran kod dialek Pantai Timur disebabkan banyak perkataan dialek Pantai Timur berbeza dengan bahasa standard. Justeru, pengkaji melihat percampuran kod dialek ini harus diberi penekanan yang tinggi terutamanya dalam industri perfileman.

Kesimpulannya, penerapan Teori K. Kanthimathi (2007) dan Braj B. Kachru (1978) dalam kajian ini membuktikan wujudnya percampuran kod dialek ke dalam bahasa Melayu standard dalam filem aksi di Malaysia. Pengkaji dapat menyimpulkan bahawa fungsi percampuran kod dialek ekspresif dan proses percampuran kod mencerminkan filem di Malaysia cenderung mencampuradukkan dialek dalam bahasa standard. Amalan ini membuktikan bahawa dialek-dialek yang merupakan identiti sesebuah negeri tidak dilupakan dan menunjukkan kebanggaan bangsa Melayu yang kaya dengan bahasa. Penggunaan dialek-dialek tersebut dapat menarik penonton untuk memahami dan mempelajari dialek negeri lain. Percampuran kod dialek ini juga dapat menunjukkan emosi penutur ketika menggunakannya. Oleh itu, kajian mengenai percampuran kod dialek ini harus kerap dilaksanakan supaya dapat membuka minda masyarakat mengenali dialek lain.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. (2006). Makna di sebalik makna. *Dewan bahasa*, 44-49.
- Asmah Hj. Omar. (1991). *Kepelbagaian fonologi dialek-dialek Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (1985). *Susur galur bahasa Melayu. Dialek Terengganu*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (1988). *The phonological diversity of the Malay dialects*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (1991). *Aspek bahasa dan kajiannya*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (1993). *Language and society in Malaysia*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. (2008). *Susur galur bahasa Melayu*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Braj B. Kachru. (1978). Toward structuring code-mixing: An Indian perspective. *International Journal of the Sociology of Language*, 27-46.
- Bright, W. (Ed.). (2015). *Sociolinguistics: Proceedings of the UCLA Sociolinguistics Conference, 1964*. (Vol. 20). Walter De Gruyter GmbH & Co KG.
- Bryman, A. (2008). Why do researchers integrate/combine/mesh/blend/mix/merge/fuse quantitative and qualitative research. *Advances in Mixed Methods Research*, 87-100.
- Cantika, L. (2017). *Proses kreatif Abdullah Mustappa Dina Novél Lembur Singkur: Kajian Éksprésif Karya*. [Disertasi Kedoktoran, Universitas Pendidikan Indonesia].
- Creswell, J. W. (2012). *Qualitative inquiry & research design: Choosing among five approaches* (4th Ed.). Sage Publications.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2005). *Kamus Dewan Edisi Keempat*. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hamers, J. F. & Blanc, H. A. (2000). *Bilinguality and bilingualism*. Cambridge University press.

- Iskandar, Rohaty Mohd. Majzub & Zuria Mahmud. (2009). Kecerdasan emosi dan komitmen pekerjaan dalam kalangan pensyarah university di Indonesia. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1), 173-186.
- K. Kanthimathi. (2007). *Mixing mother tongue and English: Exploring the reasons and functions of code mixing*, (hlm 1-12).
- Mohd Syuhaidi Abu Bakar & Nor Audra Dayana Dahlan. (2018). Percampuran kod bahasa di dalam filem: Satu kajian kualitatif terhadap filem J Revolusi (2017). *E-Academia Journal*, 7(2).
- Monaliza Sarbini-Zin, Najwa Abdull Manan & Haikal Hammad Zin. (2019). Unsur kesalingfahaman dan ketidaksalingfahaman antara dialek Kedah dan dialek Melayu Sarawak. *e-Jurnal Bahasa dan Linguistik (e-JBL)*, 1(1), 18-32.
- Ng Lai Oon. A (2012). *Isu penyalahgunaan dadah*. <http://www.myhealth.gov.my/isu-penyalahgunaan-dadah/>
- Nomura, M. (2003). *Bilingualism and multilingualism: A study of code switching* [Tesis Sarjana, Kobe University].
- Noor Aida Mahmor, Nasariah Mansor & Faizah Ahmad. (2016). " Hahaha.. Cool Gila Kau Punya Acting Ariana...": Percampuran kod dalam novel 'The Wedding Breaker'. *Journal of Education and Social Sciences*, 4, 192-200.
- Noor Rohana Mansor, Noraien Mansor & Normaliza Abd Rahim. (2013). Dialek Melayu Terengganu: Pendokumentasian dan pengekalan warisan variasi bahasa tempatan. *Jurnal Melayu*, 10.
- Nur Faten Shahirah Mohd Razali, Radina Mohamad Deli & Muhammad Zaid Daud. (2020). Penelitian dini dialek Melayu Kelantan (subdialek Pasir Mas, Kelantan): Fonem vokal. *Jurnal Sains Sosial@ Malaysian Journal of Social Sciences*, 4(1), 102-112.
- Nur Iliyani & Nora'Azian. (2020). Percampuran Kod dalam Filem Paskal The Movie. *International Young Scholars Journal of Languages*.
- Tan, Kooi Yee. (2009). *Fenomena percampuran kod dalam berita hiburan suratkhbar Bahasa Cina di Malaysia*. [Tesis Sarjana, University of Malaya].